

**SULIT**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KETIGA BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN WILLIAM LEONG JEE KEEN  
[ SELAYANG - PKR ]**

**TARIKH : 24 MEI 2016 ( SELASA )**

**SOALAN NO.( 88)**

Minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan apa-apa usaha yang dibuat untuk memperbaiki mutu sukan bola sepak di Malaysia, supaya boleh memulihkan kegemilangan bola sepak Malaysia di tahun-tahun 1970-1980an.

**SULIT**

**JAWAPAN**

Yang di-Pertua,

1. Skuad utama bola sepak kebangsaan sedang mengalami kejatuhan prestasi yang berpanjangan jika diukur berdasarkan **ranking ke-174** yang dikeluarkan oleh FIFA pada 5 Mei 2016 baru-baru ini. Kejatuhan *ranking* bola sepak ini adalah disebabkan oleh skuad bola sepak negara kita tewas dalam beberapa siri perlawanan persahabatan antarabangsa yang diambil kira dalam perkiraan menentukan ranking bola sepak oleh Persekutuan Bola Sepak Dunia (FIFA).
2. Bagi perancangan jangka pendek, Kementerian berharap pihak Persatuan Bola Sepak Malaysia (FAM) dapat mengkaji pemilihan pasukan-pasukan yang akan dihadapi bagi perlawanan persahabatan antarabangsa sama ada untuk tujuan pendedahan kepada pemain atau pun untuk meningkatkan semula *ranking* bola sepak negara. Dalam masa yang sama juga, Kementerian sedang membantu skuad bola sepak bawah 23 tahun melalui program KITA JUARA 2017 bagi persiapan menghadapi temasya Sukan SEA 2017 di Kuala Lumpur.
3. Manakala bagi perancangan jangka masa panjang, Kementerian Belia Dan Sukan telah pun menyediakan satu Pelan Pembangunan Bola Sepak Negara (PPBN), yang bertujuan untuk memastikan pembangunan pemain, kejurulatihan, kemudahan dan pertandingan dilaksanakan secara berterusan diperingkat akar umbi. Sasaran utama PPBN ini adalah untuk menyediakan satu landasan bagi

**SULIT**

## **SULIT**

mengilap bakat pemain-pemain yang berumur antara 7 sehingga 17 tahun ke arah melahirkan wira bola sepak negara dan memartabatkan pasukan kebangsaan satu hari nanti. PPBN ini juga akan dijadikan tapak penyediaan pemain-pemain yang mampu bersaing di Kejohanan Piala Dunia Remaja bawah 17 tahun pada tahun 2019.

Sekian, terima kasih.